

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 15 JULAI 2020

SOALAN

YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kerugian pendapatan yang ditanggung industri pelancongan akibat daripada impak wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebelum saya meneruskan untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jerantut ini, izinkan saya, Tuan Yang diPertua, untuk turut menjawab dan memberi maklum balas kepada soalan ini bersekali dengan sepuluh (10) pertanyaan lisan yang lain kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu kesan penularan wabak COVID-19 kepada industri pelancongan negara. Soalan-soalan berkenaan ialah:

- (a) pertanyaan **nombor 17** oleh **Yang Berhormat Tanjong Manis** pada hari ini 15 Julai 2020;
- (b) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Wangsa Maju** bertarikh 21 Julai 2020;
- (c) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Beaufort** dan **Yang Berhormat Bukit Bintang** bertarikh 3 Ogos 2020;

- (d) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Lembah Pantai** bertarikh 12 Ogos 2020;
- (e) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Pasir Gudang** serta **Yang Berhormat Taiping** bertarikh 18 Ogos 2020;
- (f) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Batang Lupa** bertarikh 26 Ogos 2020; dan yang terakhir
- (g) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Batu Gajah** bertarikh 27 Ogos 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Penularan wabak COVID-19 bukan sahaja memberi impak kepada Malaysia, malah hampir semua negara di seluruh dunia turut terpaksa menerima kesan negatifnya. Dalam situasi yang tidak pernah berlaku ini, Malaysia telah mengambil keputusan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 dan diikuti beberapa fasa lain yang masih berkuatkuasa sehingga hari ini.

3. Antara langkah utama semasa PKP ini adalah penutupan sempadan antara negeri dan juga sempadan negara. Langkah drastik ini sememangnya perlu dilakukan bagi mengawal penularan wabak COVID-19, namun industri pelancongan negara adalah pihak yang paling terjejas dalam situasi ini. Selaras dengan perkembangan ini, **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengumumkan pembatalan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan serta-merta.**

4. Pembatalan ini adalah wajar memandangkan penutupan sempadan negara tidak membenarkan warga asing memasuki Malaysia. Dengan ketidakhadiran pelancong dari luar negara ini, MOTAC menjangkakan ketibaan dan perbelanjaan pelancong antarabangsa ke Malaysia bagi tahun 2020 akan menurun sebanyak 75% berbanding tahun 2019.

5. Industri pelancongan negara terutamanya yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman, dan penganjuran acara-acara perniagaan (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions - MICE*) telah terjejas teruk. Sehingga Jun 2020, Kementerian menganggarkan sektor-sektor ini mengalami kerugian sebanyak RM45 bilion akibat penularan wabak COVID-19 ini.

6. Daripada jumlah tersebut, MOTAC mengunjurkan kerugian bagi segmen pelancong antarabangsa adalah melebihi RM31 bilion. Manakala bagi segmen pelancong domestik, Kementerian menganggarkan kerugian melebihi RM13 bilion.

7. Berdasarkan statistik MOTAC, bagi tempoh Januari hingga Mac 2020, perbelanjaan pelancong antarabangsa merekodkan penurunan sebanyak 41.5% daripada RM21.4 bilion pada 2019 kepada RM12.5 bilion.

8. Jumlah kerugian ini termasuklah kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan ekoran aktiviti perniagaan yang tidak boleh dijalankan, pemotongan gaji serta pembatalan tempahan produk pelancongan seperti hotel dan pakej pelancongan.

9. Pada masa ini, Kerajaan akan menumpukan kepada usaha-usaha pemulihan industri pelancongan menerusi pelaksanaan Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan yang telah dirangka oleh MOTAC. Sementara itu, keputusan untuk melaksanakan Tahun Melawat Malaysia pada masa akan datang adalah bergantung kepada keadaan global semasa dan mengambil kira tempoh masa yang wajar bagi persediaan pelaksanaan sebarang kempen dalam skala yang besar.

Sekian, terima kasih.